



Ruj. Tuan : PKPMP.PKP.100-11/2/2

Ruj. Kami : 28 September 2017

Tarikh :

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan / Puan,

NOTIFIKASI PENUTUPAN KAUNTER BIRO PERKHIDMATAN e-FILING DI MAHKAMAH-MAHKAMAH SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PEGUAM DAN AGENSI KERAJAAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Seperti mana yang Tuan / Puan sedia maklum, Kaunter Biro Perkhidmatan telah diperkenalkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) sejak tahun 2011. Ia adalah merupakan satu inisiatif PKPMP bawah projek Sistem Pengkomputeran Mahkamah, bertujuan untuk membantu para peguam dan agensi kerajaan berkaitan membiasakan diri semasa proses peralihan dari pemfailan secara fizikal kepada pemfailan atas talian menerusi penggunaan sistem e-filing.

3. Berdasarkan kepada statistik penggunaan Kaunter Biro Perkhidmatan dan bagi tujuan menggalakkan para peguam dan agensi kerajaan berkaitan untuk menggunakan sistem e-filing atas talian secara sepenuhnya, adalah dimaklumkan bahawa Kaunter Biro Perkhidmatan e-Filing di Mahkamah-Mahkamah Seluruh Semenanjung Malaysia akan ditutup secara sepenuhnya berkuatkuasa 31 Disember 2017 kepada semua firma guaman dan agensi kerajaan berkaitan. Namun demikian, Kaunter Biro Perkhidmatan akan terus memberikan bantuan kepada orang awam yang berhasrat untuk membuat pemfailan secara peribadi.

4. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan sistem e-filing, Tuan / Puan boleh menghubungi talian 03-2633 5050 atau e-mel di [efshelpdesk@kehakiman.gov.my](mailto:efshelpdesk@kehakiman.gov.my) yang beroperasi pada waktu berikut:

Isnin hingga Khamis	-	8.00 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 5.00 petang
Jumaat	-	8.00 pagi – 1.00 petang 2.30 petang – 5.00 petang

(Nota: Talian dan e-mel tersebut ditutup pada Cuti Umum Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

...2/-


Tuan / Puan juga boleh menghubungi Unit e-Kehakiman, PKPMP di talian **03-88803914** atau emel di **ekehakiman@kehakiman.gov.my**.

5. Segala perhatian dan kerjasama Tuan / Puan berkenaan perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**